



NEGERI PAHANG

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PAHANG GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 69  
No. 19

**15hb September 2016**

*TAMBAHAN No. 2*  
*ENAKMEN*

---

---

Enakmen yang berikut, yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pahang dan dipersetujui oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, adalah diterbitkan menurut Fasal (4) Perkara 34 Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang:

The following Enactment, passed by the Pahang State Legislative Assembly and assented to by His Royal Highness the Sultan of Pahang, is published pursuant to Clause (4) of Article 34 of the Second Part of the Laws of the Constitution of Pahang:

No.	Tajuk ringkas/Short title
Enakmen 13	Enakmen Perbadanan Muzium Negeri Pahang 2015
Enactment 13	Perbadanan Muzium Negeri Pahang Enactment 2015



# **UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG**

## **Enakmen 13**

**ENAKMEN PERBADANAN MUZIUM NEGERI  
PAHANG 2015**

Tarikh Perkenan Diraja	...	...	27 Julai 2016
Tarikh penyiaran dalam <i>Warta</i>	...	...	15 September 2016

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

## UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG

### Enakmen 13

## ENAKMEN PERBADANAN MUZIUM NEGERI PAHANG 2015

---

### SUSUNAN SEKSYEN

---

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

*Seksyen*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

#### BAHAGIAN II

#### PERBADANAN

3. Penubuhan Perbadanan
4. Meterai Perbadanan
5. Keanggotaan Perbadanan
6. Tempoh jawatan
7. Peletakan dan pembatalan jawatan
8. Pengosongan jawatan
9. Saraan dan elaun
10. Mesyuarat
11. Perbadanan boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat
12. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk memberi arahan dan menghendaki maklumat
13. Penzahiran kepentingan
14. Minit

## BAHAGIAN III

## FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN

*Seksyen*

15. Fungsi Perbadanan
16. Kuasa Perbadanan
17. Kuasa untuk meminjam
18. Kuasa untuk memberi pinjaman
19. Kuasa untuk menubuhkan syarikat
20. Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa
21. Kuasa Perbadanan untuk mewakilkan fungsi atau kuasa

## BAHAGIAN IV

## PENGURUS BESAR, PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT PERBADANAN

22. Pelantikan Pengurus Besar
23. Tugas Pengurus Besar
24. Pelantikan pegawai dan pengkhidmat

## BAHAGIAN V

## KEWANGAN

25. Kumpulan Wang
26. Perbelanjaan yang dipertanggungkan pada Kumpulan Wang
27. Pengimbangan akaun hasil
28. Pendeposit dan pelaburan Kumpulan Wang
29. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran
30. Akaun dan audit

BAHAGIAN VI

AM

*Seksyen*

31. Peraturan-peraturan
32. Penyata laporan akaun dan maklumat

BAHAGIAN VII

PEMANSUHAN DAN PERALIHAN

33. Pemansuhan
34. Penerusan undang-undang, *dsb.*
35. Pemindahan kuasa, hak, liabiliti dan tugas
36. Pemindahan harta
37. Kontrak yang sedia ada
38. Pemindahan Kumpulan Wang
39. Penerusan pegawai dan pengkhidmat



**UNDANG-UNDANG NEGERI PAHANG****Enakmen 13****ENAKMEN PERBADANAN MUZIUM NEGERI  
PAHANG 2015**

BETA BERSETUJU,

(MOHOR KERAJAAN)

SULTAN HAJI AHMAD SHAH  
AL-MUSTA'IN BILLAH IBNI  
AL-MARHUM SULTAN ABU BAKAR  
RI'AYATUDDIN AL-MU'ADZAM SHAH  
*Sultan Pahang*

27 Julai 2016

Suatu Enakmen untuk memansuhkan Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pahang, 1975; untuk membubarkan Lembaga Muzium Negeri Pahang; untuk menubuhkan Perbadanan Muzium Negeri Pahang untuk menggantikan Lembaga Muzium Negeri Pahang; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri Pahang seperti yang berikut:

**BAHAGIAN I****PERMULAAN****Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbadanan Muzium Negeri Pahang 2015.



(2) Enakmen ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

### **Tafsiran**

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Kumpulan Wang” ertinya Kumpulan Wang Perbadanan Muzium Negeri Pahang yang ditubuhkan di bawah seksyen 25;

“muzium” ertinya mana-mana muzium yang ditubuhkan oleh Pihak Berkuasa Negeri;

“Negeri” ertinya Negeri Pahang;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 5;

“Pengurus Besar” ertinya Pengurus Besar Perbadanan yang dilantik di bawah seksyen 22;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Muzium Negeri Pahang yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“syarikat” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepada “perbadanan” di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*].

## BAHAGIAN II

### PERBADANAN

#### **Penubuhan Perbadanan**

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan dengan nama “Perbadanan Muzium Negeri Pahang” ditubuhkan.

(2) Perbadanan adalah kekal turun menurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(3) Perbadanan boleh membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud Enakmen ini, Perbadanan boleh, atas apa-apa terma yang didapatinya patut—

(a) membuat kontrak;

(b) memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan

(c) memindahkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadaikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau menjalankan urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenai harta itu yang terletak hak pada Perbadanan.

### **Meterai Perbadanan**

4. (1) Meterai Perbadanan hendaklah mengandungi apa-apa reka bentuk yang diluluskan oleh Perbadanan dan meterai itu boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang Perbadanan fikirkan patut.

(2) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Perbadanan, suatu cap yang mengandungi perkataan “Perbadanan Muzium Negeri Pahang” boleh digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai perbadanan bagi Perbadanan.

(3) Meterai perbadanan itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Perbadanan dan hendaklah disahkan sama ada oleh Pengerusi atau oleh orang yang diberi kuasa itu atau oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengerusi secara bertulis.

(4) Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai perbadanan itu dan yang disahkan mengikut subseksyen (3) hendaklah disifatkan telah disempurnakan dengan sah sehingga dibuktikan sebaliknya.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), apa-apa dokumen atau surat cara yang, jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan mengikut cara yang serupa; dan mana-mana dokumen atau surat cara itu boleh disempurnakan bagi pihak Perbadanan oleh mana-mana anggota, pekerja atau ejen Perbadanan yang diberi kuasa secara am atau khas oleh Perbadanan bagi maksud itu.

(6) Meterai perbadanan bagi Perbadanan hendaklah diberi pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

### **Keanggotaan Perbadanan**

**5.** Perbadanan hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri—

- (a) seorang Pengerusi;
- (b) seorang Timbalan Pengerusi;
- (c) Setiausaha Kerajaan Negeri atau wakilnya;
- (d) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;
- (e) Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya;
- (f) Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia atau wakilnya;
- (g) seorang wakil Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Pahang;
- (h) seorang wakil Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang;
- (i) seorang wakil Jabatan Pendidikan Pahang;
- (j) seorang wakil Majlis Daerah Pekan;
- (k) seorang wakil Arkib Negara; dan
- (l) tidak lebih daripada sembilan orang anggota lain yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman tentang permuziuman.

### **Tempoh jawatan**

6. Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya, seseorang anggota Perbadanan hendaklah, melainkan jika dia terlebih dahulu meletakkan atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya terlebih dahulu dibatalkan, memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan layak untuk dilantik semula.

### **Peletakan dan pembatalan jawatan**

7. (1) Seseorang anggota Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatannya dengan memberikan notis bertulis kepada Menteri Besar.

(2) Pelantikan mana-mana anggota Perbadanan boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Pihak Berkuasa Negeri tanpa memberikan apa-apa sebab bagi pembatalan itu.

### **Pengosongan jawatan**

8. Jawatan seseorang anggota Perbadanan hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia mati;
- (b) jika dia menjadi bankrap;
- (c) jika dia telah disabitkan atas apa-apa kesalahan dan dikenakan hukuman pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada dua bulan;
- (d) jika dia tidak sempurna akal atau selainnya tidak berupaya menunaikan kewajipannya; atau
- (e) jika dia tidak menghadiri mesyuarat Perbadanan tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi, atau dalam hal Pengerusi, tanpa kebenaran Menteri Besar.

**Saraan dan elaun**

**9.** (1) Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Perbadanan hendaklah dibayar apa-apa saraan atau elaun sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Tiap-tiap anggota Perbadanan hendaklah dibayar elaun mengikut kadar yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

**Mesyuarat**

**10.** (1) Perbadanan hendaklah bermesyuarat seberapa kerap yang perlu bagi melaksanakan fungsinya.

(2) Tujuh orang anggota Perbadanan hendaklah membentuk kuorum mesyuarat Perbadanan.

(3) Jika mengenai sesuatu persoalan untuk ditentukan oleh Perbadanan terdapat bilangan undi yang sama banyak, Pengerusi hendaklah mempunyai undi pemutus.

(4) Sekiranya Pengerusi tidak hadir atau tidak dapat bertindak kerana sakit atau apa-apa sebab lain, Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat.

(5) Sekiranya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi tidak hadir atau tidak dapat bertindak kerana sakit atau apa-apa sebab lain, mana-mana anggota Perbadanan boleh dilantik oleh anggota yang hadir untuk mempengerusikan mesyuarat.

(6) Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini, Perbadanan hendaklah menentukan tatacaranya sendiri.

**Perbadanan boleh mengundang orang lain untuk menghadiri mesyuarat**

**11.** (1) Perbadanan boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Perbadanan bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan, tetapi mana-mana orang yang hadir sedemikian tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau pertimbangtelitian itu.

(2) Mana-mana orang yang diundang untuk menghadiri mana-mana mesyuarat atau pertimbangtelitian Perbadanan di bawah subseksyen (1) boleh dibayar apa-apa saraan atau elaun yang ditentukan oleh Perbadanan.

### **Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk memberikan arahan dan menghendaki maklumat**

**12.** (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, dari semasa ke semasa, memberi Perbadanan arahan yang bersifat am yang selaras dengan peruntukan Enakmen ini berhubung dengan pelaksanaan fungsi Perbadanan dan Perbadanan hendaklah melaksanakan arahan itu.

(2) Perbadanan hendaklah memberi Pihak Berkuasa Negeri apa-apa penyata, akaun dan maklumat berkenaan dengan pelaksanaan mana-mana fungsinya di bawah Enakmen ini sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

### **Penzahiran kepentingan**

**13.** (1) Seseorang anggota Perbadanan atau mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 20 yang mempunyai atau yang memperolehi kepentingan langsung atau tidak langsung dengan sendiri, menerusi anggota keluarganya atau menerusi sekutunya berhubung dengan mana-mana perkara yang sedang dibincangkan oleh Perbadanan atau jawatankuasa itu hendaklah menzahirkan kepada Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hakikat kepentingannya dan jenis kepentingan itu.

(2) Penzahiran di bawah subseksyen (1) hendaklah direkodkan dalam minit mesyuarat Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dalamnya perkara itu dibincangkan dan, selepas penzahiran itu, anggota itu—

(a) tidak boleh dikira bagi maksud membentuk kuorum mesyuarat Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

- (b) tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Perbadanan atau jawatankuasa itu, mengikut mana-mana yang berkenaan,

apabila perkara itu dibincangkan atau diputuskan.

(3) Mana-mana anggota Perbadanan atau jawatankuasa yang tidak menzahirkan kepentingannya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

(4) Tiada tindakan atau prosiding Perbadanan atau jawatankuasa boleh ditaksahkan atas alasan bahawa mana-mana anggota Perbadanan atau jawatankuasa telah melanggar peruntukan seksyen ini.

(5) Bagi maksud seksyen ini—

(a) “anggota keluarga”, berhubung dengan seseorang anggota Perbadanan atau jawatankuasa, termasuklah—

- (i) suami atau isterinya;
- (ii) ibu atau bapanya (termasuk ibu atau bapa suami atau isterinya);
- (iii) anaknya (termasuk anak angkat atau anak tiri);
- (iv) adik beradiknya (termasuk adik beradik suami atau isterinya); dan
- (v) suami atau isteri anaknya atau adik beradiknya; dan

(b) “sekutu”, berhubung dengan seseorang anggota Perbadanan atau jawatankuasa, ertinya—

- (i) mana-mana orang yang merupakan penama atau pengkhidmat anggota itu;
- (ii) mana-mana firma yang anggota itu atau mana-mana penamanya merupakan seorang pekongsinya;
- (iii) pekongsi anggota itu;

- (iv) pemegang amanah sesuatu amanah yang di bawahnya anggota itu atau seseorang anggota keluarganya menjadi bebefisiarinya; atau
- (v) mana-mana perbadanan, mengikut pengertian Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], yang anggota itu atau mana-mana penamanya atau seseorang anggota keluarganya menjadi pengarahnya atau mempunyai kepentingan kawalan atau syer yang jumlah nilainya tidak kurang daripada tiga puluh peratus daripada jumlah modal diterbitkan perbadanan itu.

### **Minit**

**14.** (1) Perbadanan dan tiap-tiap jawatankuasa hendaklah menenggarakan minit semua mesyuaratnya dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Apa-apa minit yang dibuat mengenai mesyuarat Perbadanan atau sesuatu jawatankuasa, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah dalam mana-mana prosiding, boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta yang dinyatakan dalam minit itu tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Perbadanan atau sesuatu jawatankuasa yang minit mengenainya telah dibuat mengikut subseksyen (1) dan (2) hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

## **BAHAGIAN III**

### **FUNGSI DAN KUASA PERBADANAN**

#### **Fungsi Perbadanan**

**15.** Fungsi Perbadanan adalah—

- (a) untuk membantu, mengusahakan, memaju dan menyelaras penubuhan dan perkembangan muzium dalam Negeri;



- (b) untuk membentuk dan melaksanakan garis panduan bagi pengurusan dan pengendalian muzium dengan berkesan dan berekonomi dalam Negeri;
- (c) untuk mengadakan perkhidmatan muzium yang cekap dan berkualiti;
- (d) untuk mengembangkan, memulihara dan memelihara suatu koleksi Negeri akan—
  - (i) benda yang menunjukkan sejarah, kebudayaan, tumbuh-tumbuhan dan binatang yang terdapat di Malaysia dan Negeri;
  - (ii) sejarah perkembangan politik, sosial dan ekonomi Malaysia dan Negeri; dan
  - (iii) sejarah perkembangan sains dan teknologi;
- (e) untuk menjeniskan dan mempamerkan koleksi itu untuk faedah dan makluman awam;
- (f) untuk mengembangkan dan menggalakkan program pembelajaran dan pengetahuan mengenai warisan kebudayaan dan sejarah melalui kajian koleksi itu;
- (g) untuk menggalakkan penggunaan sumber muzium bagi pendidikan dalam Negeri;
- (h) untuk menjalankan penyelidikan saintifik dan kajian ilmiah mengenai sejarah semula jadi dan sejarah tamadun manusia dengan memberi tumpuan khas kepada Negeri dan untuk menyebarkan penemuan penyelidikan dan kajian tersebut;
- (i) untuk menerbit atau menaja penerbitan majalah berkala, buku kecil dan bahan maklumat lain yang berhubungan dengan aktiviti permuziuman dalam Negeri;
- (j) untuk menasihatkan Pihak Berkuasa Negeri tentang perkara-perkara mengenai dasar umum yang berhubungan dengan muzium dalam Negeri; dan
- (k) untuk melakukan apa-apa jua perkara atau benda lain yang bersampingan dengan atau berbangkit daripada pelaksanaan fungsi-fungsinya.

**Kuasa Perbadanan**

**16.** (1) Perbadanan hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala perkara yang semunasabahnya perlu atau yang suai manfaat bagi maksud pelaksanaan fungsinya, atau yang bersampingan atau bersesuaian dengan pelaksanaan fungsi itu.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), kuasa Perbadanan hendaklah termasuk kuasa—

- (a) untuk menukar, menjual atau secara lain melupuskan benda-benda pendua kepunyaan muzium;
- (b) dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri, menukar, menjual atau secara lain melupuskan apa-apa benda lain kepunyaan muzium yang pada pendapatnya tidak sesuai disimpan atau tidak dikehendaki bagi tujuan-tujuan itu;
- (c) untuk mendapatkan dengan jalan pembelian, hadiah, derma, pinjaman atau selainnya apa-apa benda yang menunjukkan sejarah, kebudayaan, tumbuh-tumbuhan atau binatang yang terdapat di Malaysia dan Negeri;
- (d) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditentukannya, meminjamkan apa-apa bahan atau benda kepunyaan muzium kepada mana-mana balai seni lukis, muzium atau pameran di Malaysia atau dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri, di luar negara;
- (e) untuk melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti komersial bagi maksud menggalak dan membangunkan muzium dan perkhidmatan muzium dalam Negeri;
- (f) untuk memberi bantuan dalam apa-apa bentuk kepada mana-mana muzium dan pengendali muzium dalam Negeri;
- (g) untuk menyelenggara suatu pangkalan data maklumat yang komprehensif tentang segala koleksi dan ekshibit dan apa-apa perkara atau benda yang khusus mempunyai kesan sejarah dan kebudayaan kepada Negeri;
- (h) untuk menerbitkan atau menaja penerbitan filem dokumentari dan bahan pandang-dengar lain bagi menggalakkan kesedaran awam tentang warisan sejarah dan kebudayaan;

- (i) untuk mengadakan apa-apa kontrak, perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana orang atau kumpulan orang dan melakukan apa-apa jua perbuatan atau benda sebagaimana yang perlu atau suai manfaat bagi melaksanakannya;
- (j) untuk mengadakan pameran, syarahan, pertunjukan dan kelas-kelas berkaitan dengan permuziuman;
- (k) untuk mengadakan khidmat perunding, nasihat dan pertanyaan mengenai apa-apa perkara yang berhubungan dengan muzium;
- (l) untuk menggalakkan publisiti tentang permuziuman dalam apa-apa bentuk;
- (m) untuk menggalakkan kerjasama, pertukaran maklumat dan penyelarasan dengan mana-mana badan atau institusi yang ada kena mengena dengan pemberian perkhidmatan muzium;
- (n) untuk mengadakan kemudahan bagi latihan orang yang dengan apa jua cara berkaitan dengan pemajuan dan pembangunan muzium;
- (o) untuk mengenakan dan menerima fi berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang diberikan oleh Perbadanan atau berkenaan dengan kemasukan orang ke muzium dalam Negeri, atau ke mana-mana kelas, aktiviti atau pameran yang dikendalikan oleh Perbadanan; dan
- (p) untuk melakukan apa-apa jua perkara lain sebagaimana yang dibenarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain atau yang difikirkannya patut untuk menjalankan fungsi dan kuasa-kuasanya secara berkesan.

### **Kuasa untuk meminjam**

17. Perbadanan boleh, dari semasa ke semasa, meminjam atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan cara pembayaran balik dan selainnya sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Perbadanan bagi melaksanakan mana-mana fungsinya atau bagi menjalankan mana-mana kuasanya.

### **Kuasa untuk memberi pinjaman**

**18.** Pada melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya, Perbadanan boleh memberikan pinjaman bagi apa-apa maksud sebagaimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan pinjaman sedemikian boleh diberikan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan oleh Perbadanan, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, patut dikenakan dalam hal-hal tertentu.

### **Kuasa untuk menubuhkan syarikat**

**19.** Perbadanan boleh dari semasa ke semasa, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, menubuhkan syarikat dengan apa-apa nama yang ditentukan oleh Perbadanan untuk menjalankan dan untuk menjaga mengelolakan dan menguruskan bagi pihak Perbadanan apa-apa projek, skim atau perusahaan yang ditentukan oleh Perbadanan pada melaksanakan fungsinya dan menjalankan kuasanya.

### **Kuasa untuk menubuhkan jawatankuasa**

**20.** (1) Perbadanan boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa bagi apa-apa maksud yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan apa-apa fungsi dan kuasanya.

(2) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan itu hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya seorang anggota Perbadanan dan bolehlah dilantik ke jawatankuasa itu mana-mana orang lain yang difikirkan sesuai oleh Perbadanan.

(3) Jawatankuasa yang ditubuhkan itu hendaklah mengawal selia prosedurnya sendiri.

(4) Mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa dan Perbadanan boleh pada bila-bila masa memberhentikan atau mengubah keanggotaan mana-mana jawatankuasa yang ditubuhkan sedemikian.

(5) Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana orang yang, pada pendapatnya, mempunyai pengetahuan khusus untuk kebaikannya, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat jawatankuasa dan orang yang dijemput itu tidak berhak mengundi dalam mana-mana mesyuarat berkenaan.

(6) Jawatankuasa hendaklah melaporkan syor-syorkan kepada Perbadanan.

### **Kuasa Perbadanan untuk mewakili fungsi atau kuasa**

**21.** (1) Perbadanan boleh, tertakluk kepada apa-apa terma, syarat, had atau sekatan, sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, mewakili kepada mana-mana jawatankuasa atau kepada mana-mana orang lain, kuasa untuk menjalankan atau melaksanakan bagi pihaknya kuasa atau fungsi yang diletakhakkan pada atau dipertanggungjawabkan atas Perbadanan di bawah Enakmen ini sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan, kecuali kuasa untuk meminjam wang atau peraturan-peraturan dan apa-apa kuasa atau fungsi yang diwakilkan sedemikian boleh dijalankan atau dilaksanakan oleh jawatankuasa berkenaan atau mana-mana orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, di atas nama dan bagi pihak Perbadanan.

(2) Tanpa menyentuh keluasan subseksyen 1 dan peruntukan lain Enakmen ini, Perbadanan boleh mewakili sama ada kepada Pengerusi atau kepada Pengurus Besar kuasa untuk membenarkan perbelanjaan daripada Kumpulan Wang atau mana-mana wang lain yang diletakhakkan pada atau yang di bawah kawalan Perbadanan sehingga had yang ditetapkan oleh Perbadanan.

## **BAHAGIAN IV**

### **PENGURUS BESAR, PEGAWAI DAN PENGKHIDMAT PERBADANAN**

#### **Pelantikan Pengurus Besar**

**22.** (1) Perbadanan boleh dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri melantik seorang Pengurus Besar yang hendaklah menjadi ketua pegawai eksekutif Perbadanan dan meletakhakkan padanya apa-apa kuasa atasnya apa-apa tugas sebagaimana yang ditentukan atau diwakilkan kepadanya oleh Perbadanan.

(2) Pelantikan Pengurus Besar hendaklah atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Perbadanan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

### **Tugas Pengurus Besar**

- 23.** (1) Pengurus Besar hendaklah bertanggungjawab bagi—
- (a) penyediaan program, skim dan projek untuk pertimbangan Perbadanan;
  - (b) pelaksanaan segala program, skim dan projek Perbadanan;
  - (c) sentiasa memaklumkan kepada Perbadanan dengan sepenuhnya akan kemajuan program, skim dan projeknya;
  - (d) mengeluarkan panduan dasar atau menjelaskan keputusan Perbadanan kepada pegawai dan pengkhidmat Perbadanan;
  - (e) pelaksanaan keputusan Perbadanan dan arahan Pengerusi;
  - (f) penyeliaan dan pengawalan ke atas pelaksanaan keputusan Perbadanan;
  - (g) perancangan segala aktiviti yang berkaitan dengan muzium dan perkhidmatan muzium termasuk penyelidikan, pemeliharaan, pendokumentasian dan pameran sumber dan koleksi muzium;
  - (h) penyenggaraan bangunan dan struktur lain atau harta kepunyaan muzium; dan
  - (i) pentadbiran dan pengurusan yang teratur fungsi dan hal ehwal Perbadanan mengikut dasar yang ditetapkan oleh Perbadanan.
- (2) Pengurus Besar hendaklah mempunyai kuasa pengawalan am atas pegawai dan pengkhidmat Perbadanan.
- (3) Pengurus Besar hendaklah melaksanakan apa-apa tugas tambahan sebagaimana yang diarahkan oleh Perbadanan dari semasa ke semasa.

(4) Sekiranya Pengurus Besar tiada ada buat sementara di dalam Malaysia atau tidak berupaya buat sementara, oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang cukup, untuk melaksanakan tugasnya, Perbadanan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, mengarahkan mana-mana pegawai lain melaksanakan tugas Pengurus Besar semasa Pengurus Besar tidak ada atau tidak berupaya buat sementara.

### **Pelantikan pegawai dan pengkhidmat**

**24.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawah perenggan 31(2)(c) dan (d), Perbadanan boleh melantik dari semasa ke semasa, atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya wajar, seorang Setiausaha dan sekian bilangan pegawai dan pengkhidmat lain sebagaimana yang difikirkannya wajar dan perlu bagi menjalankan maksud Enakmen ini.

(2) Walau apa pun peruntukan subseksyen (1), Perbadanan tidak boleh mewujudkan atau mengubahsuai apa-apa jawatan atau skim perkhidmatan untuk pegawai dan pengkhidmatnya termasuk terma dan syarat perkhidmatan dan gaji, tanpa kelulusan terlebih dahulu Pihak Berkuasa Negeri.

## BAHAGIAN V

### KEWANGAN

### **Kumpulan Wang**

**25.** (1) Perbadanan hendaklah menubuhkan, mentadbirkan dan mengawal suatu Kumpulan Wang yang hendaklah dikenali sebagai “Kumpulan Wang Perbadanan Muzium”.

(2) Maka hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang—

- (a) apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh kerajaan;
- (b) apa-apa jumlah wang yang dipinjam oleh perbadanan di bawah seksyen 17;

- (c) tertakluk kepada subseksyen (3), apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa kepada Perbadanan daripada kumpulan wang pinjaman;
- (d) semua wang yang didapati melalui pengendalian apa-apa projek, skim atau perusahaan yang dibiayai daripada Kumpulan Wang atau penyediaan perkhidmatan oleh Perbadanan;
- (e) semua wang yang didapati atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Perbadanan;
- (f) apa-apa harta, pelaburan, gadai janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak hak pada Perbadanan;
- (g) semua derma dan sumbangan yang diterima dari dalam atau luar Malaysia; dan
- (h) semua wang atau harta lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak hak pada Perbadanan berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi dan kuasanya.

(3) Dalam seksyen ini dan seksyen 26, ungkapan “kumpulan wang pinjaman” ertinya apa-apa jumlah wang yang diadakan dari semasa ke semasa bagi Kerajaan sebagai pinjaman.

### **Perbelanjaan yang dipertanggungjawab pada Kumpulan Wang**

**26.** Tertakluk kepada seksyen 27, Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan untuk—

- (a) pembayaran apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Perbadanan termasuklah fi, kos guaman dan kos dan fi yang lain, saran bagi pegawai dan pengkhidmat yang dilantik dan diguna khidmat oleh Perbadanan;
- (b) membayar apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetuju terima dengan sepatutnya oleh Perbadanan pada menjalankan kuasanya atau melaksanakan fungsinya;
- (c) membayar balik apa-apa wang yang dipinjam di bawah seksyen 17 dan bunga yang kena bayar ke atasnya;



- (d) memberi pinjaman di bawah seksyen 18;
- (e) tertakluk kepada subseksyen 25(3), bayaran apa-apa caj atas apa-apa amaun yang diperuntukkan kepada Perbadanan daripada kumpulan wang pinjaman;
- (f) pemberian pinjaman kepada pegawai dan pengkhidmat Perbadanan bagi maksud yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri;
- (g) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan Enakmen ini.

### **Pengimbangan akaun hasil**

27. Maka adalah menjadi tugas Perbadanan untuk memelihara Kumpulan Wang dengan menjalankan kuasa dan melaksanakan fungsinya untuk memastikan supaya jumlah hasil Perbadanan adalah mencukupi untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuklah susut nilai dan bunga modal, dari setahun ke setahun.

### **Pendepositan dan pelaburan Kumpulan Wang**

28. Perbadanan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri—
- (a) menempatkan Kumpulan Wang sebagai deposit dengan bank di Malaysia; atau
  - (b) dari semasa ke semasa, melaburkan Kumpulan Wang atau mana-mana bahagiannya yang tidak dikehendaki dengan segera untuk memenuhi obligasinya atau menjalankan kuasanya atau melaksanakan fungsinya dalam apa-apa pelaburan atau sekuriti yang pada ketika ini dibenarkan untuk pelaburan kumpulan wang amanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

### **Perbelanjaan dan penyediaan anggaran**

**29.** (1) Perbelanjaan Perbadanan hingga sebanyak yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada Kumpulan Wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu anggaran perbelanjaan (termasuk perbelanjaan bagi projek pembangunan) bagi tahun yang berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri; dan sebelum permulaan tahun yang berikutnya Pihak Berkuasa Negeri hendaklah memberitahu Perbadanan amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan.

(3) Perbadanan boleh pada bila-bila masa mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu anggaran tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Pihak Berkuasa Negeri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran tambahan itu.

### **Akaun dan audit**

**30.** (1) Perbadanan hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun yang sempurna dan rekod lain mengenai perjalanannya mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum dan hendaklah menyebabkan disediakan penyata bagi akaunnya bagi tiap-tiap satu tahun kewangan.

(2) Akaun perbadanan hendaklah diaudit pada tiap-tiap tahun oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit lain yang dilantik oleh Perbadanan dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri.

(3) Perbadanan hendaklah dalam masa enam bulan selepas berakhirnya tiap-tiap tahun kewangan menyebabkan akaunnya diaudit dan menghantarkannya kepada Pihak Berkuasa Negeri

bersama-sama dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2), mengikut mana-mana yang berkenaan, mengenai akaun Perbadanan.

(4) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyebabkan satu salinan tiap-tiap akaun sedemikian beserta dengan satu salinan apa-apa pandangan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara atau juruaudit yang dilantik di bawah subseksyen (2) mengenai penyata atau akaun Perbadanan dibentangkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri yang akan datang.

## BAHAGIAN VI

### AM

#### **Peraturan-peraturan**

**31.** (1) Perbadanan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat apa-apa peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan maksud dan peruntukan Enakmen ini dengan teratur dan berkesan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan yang disebut terdahulu, peraturan-peraturan sedemikian boleh dibuat—

- (a) bagi mengenakan fi dalam hal yang ditentukan oleh Perbadanan;
- (b) bagi atau berkenaan dengan saraan atau elaun yang kena dibayar kepada mana-mana anggota Perbadanan dan mana-mana anggota mana-mana jawatankuasa;
- (c) bagi atau berkenaan dengan saraan, elaun dan syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmat Perbadanan;
- (d) bagi cara bagaimana dan terma dan syarat yang di atasnya pinjaman boleh diberikan kepada pegawai dan pengkhidmat Perbadanan di bawah perenggan 26(f) dan maksud pinjaman itu;

- (e) bagi menetapkan caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Perbadanan dan bagi kemasukan orang ke dalam muzium atau mana-mana pameran atau aktiviti yang dikelolakan atau diadakan oleh Perbadanan;
- (f) bagi mengawal selia kemasukan ke dalam dan pengeluaran daripada muzium yang diuruskan atau dikawal oleh Perbadanan;
- (g) bagi penyimpanan, pemeriksaan, penyalinan atau peminjaman contoh, ekshibit, peralatan dan data berhubungan dengan koleksi, penerbitan atau apa-apa objek atau benda di bawah kawalan Perbadanan;
- (h) bagi menjaga, mengawal dan mengurus tanah dan bangunan yang dipunyai oleh atau di bawah kawalan dan pengurusan Perbadanan;
- (i) bagi menetapkan prosedur kewangan mengenai pentadbiran Kumpulan Wang;
- (j) bagi mengawal selia prosedur untuk memanggil tender dan sebutharga termasuk penubuhan Lembaga Tender Perbadanan.

### **Penyata laporan akaun dan maklumat**

**32.** (1) Perbadanan hendaklah mengemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat berkenaan dengan harta dan aktiviti Perbadanan sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Perbadanan hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas akhir setiap tahun kewangan menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Pihak Berkuasa Negeri suatu laporan yang memperkatakan aktiviti Perbadanan sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya dan laporan itu hendaklah dalam bentuk serta hendaklah mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan prosiding dan dasar Perbadanan sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri.

## BAHAGIAN VII

## PEMANSUHAN DAN PERALIHAN

**Pemansuhan**

**33.** (1) Enakmen Lembaga Muzium Negeri Pahang 1975 [*Enakmen No. 1 tahun 1975*], yang dalam Bahagian ini disebut “Enakmen yang dimansuhkan”, adalah dimansuhkan.

(2) Lembaga Muzium Negeri Pahang, yang dalam bahagian ini disebut “Lembaga”, yang merupakan suatu pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Enakmen yang dimansuhkan hendaklah juga terhenti wujud:

Dengan syarat bahawa anggota Lembaga yang sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Enakmen ini telah dilantik sebagai anggota Lembaga hendaklah pada tarikh permulaan kuat kuasa enakmen ini menjadi anggota Perbadanan dan hendaklah tertakluk kepada semua peruntukan Enakmen ini berhubung dengan anggota tersebut dan hendaklah disifatkan telah dilantik di bawah Enakmen ini.

**Penerusan undang-undang dan sebagainya**

**34.** Semua peraturan, perintah, arahan, pelantikan dan pemberitahuan yang dibuat di bawah peruntukan Enakmen yang dimansuhkan dan berkuat kuasa sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah setakat yang ia tidak tak konsisten dengan peruntukan Enakmen ini, disifatkan telah dibuat di bawah Enakmen ini dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga ia dipinda atau dimansuhkan.

**Pemindahan kuasa, hak liabiliti dan tugas**

**35.** Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini semua kuasa, hak, keistimewaan, tugas, liabiliti atau kewajipan yang sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Enakmen ini adalah kuasa, hak,

keistimewaan, tugas, liabiliti atau kewajipan Lembaga hendaklah dari tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini diturunkan kepada Perbadanan.

### **Pemindahan harta**

**36.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini, semua tanah yang sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Enakmen ini terletak hak pada Lembaga hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terletak hak pada Perbadanan.

(2) Semua seni lukis, ekshibit serta harta dan aset lain yang sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Enakmen ini adalah terletak hak pada Lembaga hendaklah, pada tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini, terletak hak pada Perbadanan.

### **Kontrak yang sedia ada**

**37.** Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini, semua surat ikatan, bon, perjanjian dan surat cara yang diadakan atau dibuat oleh Lembaga sebelum sahaja permulaan kuat kuasa Enakmen ini hendaklah mempunyai kuat kuasa dan kesan yang penuh terhadap atau menyebelahi Perbadanan seolah-olah ia telah diadakan atau dibuat oleh Perbadanan.

### **Pemindahan Kumpulan Wang**

**38.** Tertakluk kepada peruntukan Enakmen ini, semua wang yang berada dalam, dan kena dibayar kepada Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 15 Enakmen yang dimansuhkan hendaklah pada tarikh permulaan kuat kuasa Enakmen ini dipindahkan kepada Perbadanan.


**Penerusan pegawai dan pengkhidmat**

